



buletin Mutiara

PERCUMA



Ogos 2011

Marhaban Ya Ramadhan Kerajaan Negeri mengucapkan salam Ramadhan al-Mubarak buat semua umat Islam. Selamat menjalani ibadah puasa.

P. Pinang hasilkan cendekiawan pelapis muda negara

Oleh: ZULIANA AZIZ

Gambar: CHAN LILIAN

GEORGE TOWN – Sentiasa tanpa mengira warna kulit, latar belakang dan agama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengiktiraf para pelapis cendekiawan muda negara yang telah memperkenalkan reputasi cemerlang.

Terbaru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah memberi sumbangan penghargaan kepada tiga pelajar Sekolah Menengah Sains Kepala Batas yang muncul johan di dalam pertandingan Paten Perbadanan Harta Intelek Malaysia, ‘Innovative Solutions For Everyday Life’ peringkat kebangsaan.

Program berkenaan adalah anjuran bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Perbadanan Harta Intelek Dunia, Perbadanan Harta Intelek Korea dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Pelajar-pelajar cemerlang terbabit adalah Muhammad Mukhlis Anas Eshamuddin, 15, Muham-mad Haziem Aieman Hanafi, 15, dan Muhammad Hifny Hizam, 15, masing-masing menerima hadiah penghargaan sebanyak RM200 berserta sijil penghargaan dari Kerajaan Negeri. Turut menerima sijil penghargaan adalah Mohd. Hafeez Azman selaku guru penasihat.

Menurut Mohd. Hafeez, ilham projek ‘Once Thrown, Now A Thrown: Empty Fruit Bunches (EFB) As An Alternative To En-viromental Problem’ diperoleh hasil perbincangan semasa mengadakan perjumpaan Kelab Sains, Matematik dan Rekacipta di sekolah pada setiap minggu di samping persekitaran sekolah yang dikelilingi oleh ladang kelapa sawit.

“Projek ini menggunakan bahan terpakai seperti hampas kelapa sawit

yang telah melalui proses pengekstrakan minyak dan digabungkan dengan getah terpakai untuk dinovasikan menjadi satu projek penyerapan minyak. Ia boleh berfungsi di air mahupun darat dan boleh menyerap apa sahaja jenis minyak termasuk minyak masak. Fungsi utama adalah untuk menyerap tumpahan minyak di laut tetapi aplikasi bahan ini sebenarnya lebih luas daripada yang dijangka,” kata beliau lagi.

Susulan itu, pihak sekolah terbabit juga telah mengadakan perbincangan bersama Universiti Sains Malaysia (USM), Nibong Tebal bagi mendapat khidmat nasihat sebelum menjalankan projek tersebut.

Pertandingan ini telah disertai oleh 15 buah Institut Pendidikan di mana hanya dua buah sekolah menengah sahaja yang menyertai berbanding 13 institusi pengajian tinggi (IPT) dan Sekolah Mene-ngah Sains Kepala Batas telah terpilih sebagai johan pertandingan.

“Saya bercita-cita menjadi seorang Jurutera dan saya memang meminati bidang ‘Research and Development’ (RND). Mela-lui RND, saya berpeluang mengaplikasi teori dan amali dalam bidang yang saya ceburi,” ujar Muhammad Mukhlis ketika ditemubual oleh pihak Buletin Mutiara mengenai minat dan bagaimana terdetik hati untuk menyertai projek ini.

Sementara itu, Muhammad Haziem berkata, beliau ingin mencari jalan penyelesaian ekoran dunia kini mengalami pemanasan global dan pencemaran yang semakin membimbangkan.

“Melalui pertandingan ini, saya sedikit sebanyak dapat mencari jalan penyelesaian mengenai isu ini dan berpeluang mengeksplorasi bidang RND,” kata beliau yang bercita-cita menjadi seorang ahli usahawan yang berjaya suatu hari



KETUA Menteri dengan penuh adab dan hormat mengiringi Yang di-Pertuan Agong semasa kunjungan rasmi Seri Paduka ke Pulau Pinang. Kelihatan Seri Paduka tertarik menyaksikan resepsi yang dipersembahkan pada satu majlis di Bukit Bendera. Daulat Tuanku.

nanti.

“Saya memang meminati bidang sains dan teknologi. Mung-kin kerana ibubapa saya bekerja sebagai jurutera. Sedikit sebanyak minat tersebut timbul dalam diri saya sejak kecil lagi,” ujar Muhammad Hifny.

Ditanya mengenai perancangan pada masa hadapan, guru pe-nasihat menyatakan hasrat ingin merekacipta

satu produk iaitu kapal terbang yang boleh dikawal (control). Beliau ingin menjadi perintis kepada sekolah-sekolah di Malaysia dengan usahasama sekolah-sekolah di Thailand.

“Saya amat berbangga dengan pelajar-pelajar saya ekoran pencapaian ini,” ujar Mohd. Hafeez lagi.

Gambar di ms 6

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri menerima penghormatan tertinggi dari Istana Negara apabila Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mah-mud Al-Muktafi Billah Shah bersama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah sudi mencemar duli berangkat melakukan lawatan rasmi sela-ma dua hari ke Pulau Pinang.

Ketibaan Seri Paduka berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada jam 10.20 pagi, 24 Jun 2011 disambut oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majmor Sharif serta diiringi oleh pemimpin-pemimpin negeri termasuk Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng.

Seri Paduka kemudian beristirehat di Hotel Equatorial, Bukit Jambul, sebelum berkenan berangkat menunaikan solat fardhu Jumaat bersama-sama rakyat di Masjid Negeri Pulau Pinang.

Pada sebelah tengah hari pula, Seri Paduka berdua telah berangkat telah berkenan merasmikan kompleks pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami di Balik Pulau.

Pada malamnya pula, satu Majlis Santapan Menjunjung Kasih Kerajaan Negeri Pulau Pinang diadakan di Grand Ball Room, Hotel Equatorial, Bukit Jambul. Majlis berkenaan turut dihadiri Abdul Rahman, Guan Eng dan isteri masing-masing.

Pada keesokannya, Seri Paduka berkenan merasmikan Kelab Al-Khamsa Endurance Club di Taman Perbandaran Pulau Pinang, sebelum bersama-



TUANKU Mizan Zainal Abidin (barisan pertama, dua dari kiri) ketika hadir merasmikan Kompleks Pendidikan Maahad Mashoor Al-Islami di Balik Pulau.



TUANKU Mizan Zainal Abidin ditemani Tun Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) dan Ketua Menteri (kanan sekali) berdiri tegap apabila lagu kebangsaan didendangkan pada Majlis Santapan Menjunjung Kasih Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Grand Ball Room, Hotel Equatorial.

DAULAT TUANKU!

Pulau Pinang menjunjung kasih

Lawatan Agong pengiktirafan tertinggi kepada Pulau Pinang



TUANKU Mizan Zainal Abidin (kanan sekali) sambil diperhatikan Tun Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) menandatangani plak sempena majlis Perasmian Kompleks Pendidikan Maahad Mashoor Al-Islami.



YANG di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong memerhatikan seorang wanita menyiapkan lukisan mehndi di Bukit Bendera.



Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah di Bukit Bendera.



BETTY Chew (empat dari kanan) bergambar kenangan bersama isteri YB-YB lain pada Majlis Santapan Menjunjung Kasih Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Grand Ball Room, Hotel Equatorial, Bukit Jambul di sini.

Tuanku Mizan Zainal Abidin kagum perkembangan syiar Islam di P Pinang

BALIK PULAU – Pendidikan Islam di Pulau Pinang mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mah-mud Al-Muktafi Billah Shah bersama Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah berkenan mencemar duli merasmikan Kompleks Pendidikan Maahad Mashoor Al-Islami di sini, pada 24 Jun lepas.

Selepas menunaikan solat fardhu Jumaat di Masjid Negeri,

Seri Paduka berangkat tiba dengan diiringi Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majmor Sharif serta Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman. Seri Paduka berdua disambut meriah dengan paluan kompong oleh warga Maahad Mashoor Al-Islami.

Semasa bertitah, Seri Paduka mengingatkan umat Islam supaya bersatu padu meningkatkan syiar Islam dan mengenepikan perbezaan fahaman politik.

"Beta berharap rakyat di

negeri ini (Pulau Pinang) dapat me-ngekalkan perpaduan ummah walaupun dalam kalangan kita wujud beberapa perbezaan faham politik," titah Seri Paduka kepada lebih 3,000 hadirin.

Seri Paduka berharap dengan terbinanya kompleks tersebut, ia dapat menjadi satu lagi prasarana pendidikan Islam terbaik di rantau ini dan menyuru agar kerajaan negeri terus menyuarakan lagi perkembangan institusi pem-bangunan Islam di negeri ini.

Sebelum itu, semasa merafak

sembah, Mansor berharap keberangkatan Seri Paduka berdua akan menjadi simbol perhubungan harmoni antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Mansor turut menyuarakan hasrat Kerajaan Negeri untuk menubuhkan sebuah Yayasan Islam di Pulau Pinang dalam usaha memartabatkan syiar Islam.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau

Pinang (MAIPP), Elyas Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MAIPP, Datuk Mohd. Salleh Man dan Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Haji Abdul Malik Abul Kassim.

Penubuhan Pusat Dialisis CAT termurah

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri (KN) akan melancarkan inisiatif bersejarah dengan menubuhkan Pusat Dialisis CAT (Cekap, Akauntabel, Te-lus) yang pertama di Pulau Pinang bagi memberikan rawatan kepada pesakit dengan harga RM30 bagi setiap dialisis.

Mengikut statistik, Pusat Dialisis di negeri Pulau Pinang yang diuruskan oleh swasta sebanyak 48% manakala 40% oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan kemudahan yang disediakan oleh KN ialah sebanyak 12%.

“Sehingga April 2011, terdapat 45 buah pusat dialisis dan hanya 24 pusat sahaja yang beroperasi secara sah. Mengikut statistik pada tahun 2009, terdapat 1,804 pesakit buah pinggang di Pulau Pinang. Memandangkan bilangan pesakit buah pinggang semakin meningkat, enam pusat dialisis di Hospital Pulau Pinang dengan sebanyak 75 buah mesin yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan sukar untuk memenuhi kehendak peningkatan tersebut,” kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika majlis sidang media di Komtar, baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu, KN telah mengenalpasti lokasi untuk memulakan projek perintis Pusat Dialisis CAT di Pejabat Pasar Awam Balik Pulau. Ia berhampiran

perhentian bas (Rapid Penang) dan bangunan tersebut adalah milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). MPPP telah memberi persetujuan bagi menggunakan ruang di belakang Pejabat Kutipan Hasil, Pejabat Pasar Awam Balik Pulau sebagai Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang dengan kadar sewaan nominal RM10.00 setahun.

Kawasan tersebut telah dipilih sebagai lokasi perintis kerana kedudukan yang strategik, kepadatan penduduk luar bandar yang tinggi dan pengangkutan awam yang baik. Pada masa yang sama, ini membuktikan komitmen KN Pakatan Rakyat kepada penduduk luar bandar dan menjaga kebajikan semua rakyat Pulau Pinang tanpa mengira kaum, agama, jantina dan latar belakang politik.

Menurut Guan Eng, inisiatif itu akan dilaksanakan bersama pihak swasta berdasarkan konsep ‘Public and Private Partnership Framework’ (PPP) dengan pengubahsuaian bangunan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

“Kos perkhidmatan dialisis akan ditetapkan pada kadar RM110.00 berbanding kadar pasaran iaitu RM150 - RM200. Oleh itu KN akan memohon sumbangan

Kerajaan Persekutuan se-banyak RM50 di mana RM30 ditaja oleh KN dan RM30 lagi akan dibiayai oleh pesakit buah

pinggang dengan rawatan sebanyak tiga kali seminggu.

“Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sumbangan RM50 bagi setiap rawatan untuk pesakit di Pusat Rawatan Dialisis yang bukan berasaskan keun-tungan. Untuk permulaan, dicadangkan disediakan 10 buah mesin hemodialisis (HD), sistem rawatan air ‘reverse osmosis’ (RO) dan ‘automatic reprocessor’ dengan suntikan dana atas usaha KN,” kata beliau lagi.

Kos setiap mesin HD dianggarkan RM42,000 yang memerlukan perbelanjaan RM420,000 yang ditanggung oleh pihak swasta dan KN. KN akan mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan (MOH) dengan bantuan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.

Menurut Guan Eng lagi, KN dan pihak swasta akan menanggung kos utiliti dan sewaan premis dengan kos ubahsuai premis dianggarkan bernilai RM150,000 bagi menyediakan suasana rawatan yang kondusif dan piawai rawatan bertaraf antarabangsa.

KN akan menanggung kos operasi bagi tempoh 10 tahun iaitu anggaran sebanyak RM2,046,720 sekiranya menaja hanya RM30 setiap rawatan untuk seramai 25 - 50 orang.

Pemantauan 50 hotspot diganda



ABDUL Malik Abul Kassim

BUTTERWORTH – Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bahawa Pulau Pinang akan menggandakan pemantauan di 50 kawasan ‘hotspot’ sepanjang bulan Ramadhan ini.

Abdul Malik Abul Kasim pada majlis sidang medianya menyatakan bahawa langkah penguatkuasaan itu adalah mengikut peruntukan Seksyen 15 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 (EKJSNPP).

“Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang telah mengenal pasti tempat-tempat panas yang menjadi pusat kegiatan orang ramai makan serta membeli makanan untuk dimakan serta merta di lokasi-lokasi terbabit,” ujarnya di Komtar di sini baru-baru ini.

Seksyen tersebut menyebut, “Manapun orang Islam pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadhan: Menjual kepada mana-mana orang Islam, apa-apa ma-kanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum, atau dihisap serta merta dalam waktu itu adalah melakukan suatu kesalahan.

Seksyen tersebut turut menjelaskan, mereka yang didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjara tidak lebih enam bulan.

Dalam perkembangan yang sama, Abdul Malik turut menasihatkan umat Islam di negeri ini supaya tidak lalai di pusat hiburan sepanjang bulan Ramadhan.

Bagaimanapun beliau berkata, Pulau Pinang tidak bercadang menguatkuasa polisi menutup seluruh pusat hiburan sempena bulan Ramadhan sebagaimana yang dicadangkan Kerajaan Negeri Kedah sebelum ini.

1,112 penerima darjah kebesaran



TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas semasa Istiadat Kawalan Kehormat ke atas Batalion ke-4, Rejimen Renjer Diraja, di sini.

GEORGE TOWN – Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar mendahului senarai 1,112 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri Pulau Pinang sempena sambutan ulang tahun Yang Dipertua Negeri; Tun Abdul Rahman Abbas yang ke-73 baru-baru ini, di sini.

Mengikut Beliau adalah antara dua orang penerima Darjah Panglima Pangkuhan Negeri (DPPN) yang membawa gelaran Datuk Seri. Turut menerima darjah yang sama ialah, Panglima Angkatan Tentera; Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Senarai yang dikeluarkan Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 10 individu menerima Darjah Gemilang Pangkuhan Negeri (DGPN) yang juga membawa gelaran Datuk Seri. Antaranya Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia, Jeneral Tan Sri Rodzali Daud; Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) di Unit Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri Datuk Ab. Ghani Ariffin; Ketua Pegawai Eksekutif

Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Zainal Rahim Seman; tokoh Dewan Perniagaan Cina, Datuk Choot Ewe Seng; Ahli Majlis Jawatankuasa Pe-nasihat Kebangsaan Perbankan Islam dan Takaful Bank Negara Malaysia, Datuk Hassan Ahmad.

Manakala empat penerima Darjah Yang Mulia Pangkuhan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Datuk pula ialah Setia-

usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus dan Pengurus Persatuan Anak Melayu Pulau Pinang di Kuala Lumpur dan Selangor, Datuk Zainul Azman Zainul Aziz. Sebanyak 52 orang pula menerima Darjah Setia Pangkuhan Negeri (DSPN), yang turut membawa gelaran Datuk. Mereka termasuklah pemain bola sepak legenda negara Namat Abdullah dan Pengarah Institut Perubatan Respiratori, Datuk Dr. Abdul Razak Abdul Muttalif.



UNIT Penerangan Pejabat Ketua Menteri selaku ahli jawatankuasa bergambar kenang-kenangan bersama Lim Guan Eng (tengah) selepas tamat program.



SEBAHAGIAN rakan Facebook bergambar kenang-kenangan bersama Lim Guan Eng (berbaju kuning) di Majlis Ramah Mesra Bersama Penyokong Laman Sosial FBnya baru-baru ini.

Laman Facebook, dekatkan pemimpin dan rakyat

GEORGE TOWN – Sebagai seorang Ketua Menteri yang berjiwa rakyat, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Ramah Mesra Bersama Penyokong Laman Sosial ‘Facebook’ (FB) baru-baru ini.

Beliau mengakui bahawa laman FB merupakan platform terbaik bagi mendekatkan lagi hubungan antara beliau dengan para penyokongnya yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan padu sepanjang penglibatannya menerajui tumpuk pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Saya sangat terharu kerana berpeluang bertemu dengan hampir 200 rakan FB saya dan bersempena dengan penganjuran ini, saya berharap dapat mengenali semua rakan FB serta menjawab soalan yang dikemukakan,” ujar beliau semasa

memberi ucapan di majlis tersebut.

Beliau juga berterima kasih kepada semua rakan FB yang memberi sokongan serta semangat kepada beliau untuk membawa masa depan yang lebih baik bukan hanya di Pulau Pinang, malah juga kepada Malaysia.

Menurut beliau lagi, setakat ini rakan FB beliau sudah mencapai 40,000 di samping 18,000 rakan di Tweeter yang mana keahlian FBnya naik mendadak terutama selepas Pilihan Raya Sarawak yang lalu.

“Selain itu, sebanyak 300 rakaman video saya yang dimuat-kan di dalam Youtube ditonton sebanyak 611,000 kali sejak Mei 2010. Peningkatan ini membuktikan bahawa rakyat kini mampu melihat dan menilai dengan sendiri kredibiliti Pakatan Rakyat (PR) terutama dalam meletakkan negeri ini sebagai negeri model yang memimpin dalam semua aspek,” katanya lagi.

Perahu naga dapat sambutan luar negara



SEBAHAGIAN peserta bergambar kenang-kenangan sebelum acara dimulakan.

PESTA DURIAN 2011 MERIAH



KETUA MENTERI (tiga dari kiri) ditemani Abdul Halim Hussain (dua dari kiri) dan barisan Exco negeri memerhatikan durian bermutu tinggi yang terdapat di Anjung Indah di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – “Durian menyatukan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan pegangan politik,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sempena Pelancaran Pesta Durian 2011 di Anjung Indah, baru-baru ini di sini.

Turut hadir memeriahkan Pesta Durian, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Senator Dr. Syed Husin Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang dan beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri kini dalam perancangan menjadikan Balik Pulau sebagai lokasi tumpuan bagi Pesta Durian bagi tahun-tahun mendatang. Umum mengetahui bahawa durian di Balik Pulau merupakan durian terbaik di Malaysia dan ia boleh dijadikan sebahagian ikon pelancongan Negeri Pulau Pinang.

GEORGE TOWN – Perayaan Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang telah diadakan pada 11 dan 12 Jun 2011 yang lalu bertempat di Teluk Bahang Dam, bermula pukul 9 pagi hingga 6 petang.

Perayaan yang disambut setiap tahun ini merupakan anjuran bersama Pembangunan Pelancongan dan Budaya Pulau Pinang, Jawatankuasa Perayaan Perahu Naga Pulau Pinang Antarabangsa dan Jawatankuasa Perahu Naga Persekutuan Pulau Pinang.

Pada tahun ini, sebanyak 28 pasukan yang terdiri daripada 15 pasukan dari seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan ini. Manakala 11 pasukan disertai oleh pasukan dari negara luar seperti Macau, Hong Kong, Australia, Arab Saudi, Singapura, Filipina, Indonesia dan Guam.

Kerajaan PR baiki bumbung rumah rakyat

BUKIT MINYAK – Kerajaan Negeri Pulau Pinang (KN) prihatin akan nasib keluarga 16 buah unit rumah pangsa lima tingkat, Taman Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah yang mengalami kerosakan bumbung, siling dan pendawaian elektrik akibat daripada angin ribut serta hujan yang berterusan, baru-baru ini.

Lantaran itu, KN telah mengarahkan agar kerja-kerja pembaikan dilaksanakan segera oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dengan peruntukan khas Kerajaan Negeri PR. Penduduk yang terlibat juga dipindahkan ke penempatan sementara bagi memudahkan kerja-kerja pembaikan dijalankan.

Siasatan telah dijalankan oleh pegawai-pegawai PDC bagi men-genalpasti jenis kerosakan sebe-nar rumah pangsa terbabit. Keselu-ruhan struktur bumbung, kemasan bumbung, siling dan pendawaian elektrikal 16 unit rumah pangsa berkenaan telah dibuat semula termasuk membaiki kebocoran pada tangki bekalan air.

Kerja-kerja ini dianggap sebagai kerja kecemasan kerana perlu dilakukan segera




KETUA MENTERI, Lim Guan Eng (tengah) memantau keadaan rumah pangsa di Taman Bukit Minyak yang mengalami kerosakan akibat angin ribut baru-baru ini.

dan PDC telah mendapatkan sebut harga daripada PDC Nusabina Sdn. Bhd. (PDCNSB), anak syarikat PDC bagi melaksanakan kerja-kerja membaiki bumbung, memasang semula sistem penda-waian elektrikal dan kerja-kerja lain yang bersangkutan.

Kos bagi kerja pembaikan bumbung dan pembaikan elektrikal berjumlah RM266,296.00 telah dibiayai sepenuhnya oleh KN atas permintaan daripada Ahli

Parlimen Batu Kawan, Prof. Dr. P. Ramasamy dan ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen.

Kos pembentangan bagi kerja-kerja pembaikan akibat bencana ribut ini diberikan secara ‘one-off’ atas dasar Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) sebagai kerajaan berjiwa rakyat yang sememangnya menjaga kebijakan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah.



MAJALAH Time Out Penang.

Time Out Penang: potret sebenar Pulau Pinang

GEORGE TOWN – “Inilah buku panduan terbaik yang diterbitkan yang menggambarkan Pulau Pinang secara menyeluruh,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika Majlis Perasmian Time Out Penang, The Insider’s Guide to Penang 2011/12, di sini.

“Saya merasakan seolah-olah saya dibawa melancong menikmati keindahan Pulau Pinang yang menjadi ke-banggaan warganya,” ulas beliau lagi.

Time Out Penang adalah majalah terbitan tahunan oleh Mongoose Publishing (M) Sdn. Bhd.. Kandungan maja-lah ini merangkumi maklumat kepada pelancong tentang hotel-hotel, spa-spa yang terdapat di Pulau Pinang, kompleks membeli-belah, restoran-restoran, tapak warisan dan pelbagai menu-menu tradisional masyarakat di Pulau Pinang.

Mengandungi 150 mukasurat, Time Out Penang adalah rentetan terbitan Time Out Kuala Lumpur dan Time Out terdapat di lebih 40 buah negara seluruh dunia sebagai majalah panduan pelancongan terunggul. Time Out Penang kini boleh didapati di kedai-kedai buku utama, pusat warisan dunia dan lapangan terbang pada harga RM38 senaskah atau boleh didapati melalui pembelian online dengan diskaun sebanyak 10%.

Time Out Penang turut mendapat suntikan daripada Penang Global Tourism dalam merancakkan lagi sektor pelancongan negeri sekaligus mempromosikan Pulau Pinang sebagai desti-nasi pelancongan pilihan.



MASKOT baru Taman Rama-rama Pulau Pinang.

Taman rama-rama diberi nafas baru

GEORGE TOWN – Taman Rama-rama Pulau Pinang kini dibuka semula dan diberi nafas baru setelah ditutup sejak dua bulan lalu bagi memudahkan kerja-kerja naiktaraf dijalankan.

Pengasasnya, David Goh berkata, pengunjung kini boleh melihat 123 spesies rama-rama dalam keadaan yang lebih santai dan selesa ekoran suasana terbuka yang diketengahkan olehnya dengan belanja sebanyak RM2 juta.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, yang ditemui ketika menyempurnakan Majlis Ulang Tahun Taman Rama-rama ke-25 berkata, sambutan tersebut adalah selaras dengan niat Kerajaan Negeri (KN) bagi memajukan lagi industri

pelancongan dan meningkatkan status Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan pelancongan antarabangsa.

“Tahun 2010 mencatatkan jumlah pelancong asing ke Pulau Pinang sebanyak enam juta orang. Perjalanan kita masih jauh untuk mencapai sasaran 10 juta pelancong menjelang 2014.

“Walau bagaimanapun, saya sangat yakin jika kita boleh menjadi nombor satu dalam bidang pelaburan di Malaysia, kita pasti boleh mencapai sasaran 10 juta pelancong ini.

“Taman Rama-rama membawa horizon baru kepada wilayah utara serta industri pelancongan Pulau Pinang.

“Dengan pengalaman selama 25 tahun, Taman Rama-rama kini telah diiktiraf sebagai salah satu tempat yang paling menarik dan kepelbagaiannya rama-rama tropika indah di rantau ini dengan tambahan tarikan pendidikan dalam dan luaran,” katanya lagi.



SEBAHAGIAN kanak-kanak tadika sedang melihat rama-rama yang dipamerkan di Taman Rama-rama, baru-baru ini.

Pulau Pinang: Destinasi unggul syarikat multinasional

CEMERLANG... Kerajaan Negeri memberi pengiktirafan khas kepada tiga pelajar, guru penasihat dan Sekolah Menengah Sains Kepala Batas yang telah mengharumkan nama Pulau Pinang dan Malaysia apabila muncul juara di dalam Pertandingan Paten Perbadanan Harta Intelek Malaysia, ‘Innovative Solutions For Everyday Life’ peringkat kebangsaan yang berlangsung pada 20 – 21 Jun 2011.



Dari kiri adalah Mohd. Hafeez Azman, Muhammad Hifny Hizam, Muhammad Haziem Aieman Hanafi, Lim Guan Eng, Muhammad Mukhlis Anas Eshamuddin dan Penolong Ko-K Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Harris Ganea Narmar.



LIM Guan Eng menunjukkan lakaran pelan perkampungan Industri Kecil dan Sederhana atau dikenali sebagai SME Village yang bakal direalisasikan di Batu Kawan baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Pulau Pinang telah direncanakan di dalam Time Magazine sebagai destinasi pilihan yang unggul oleh para pelabur daripada syarikat-syarikat bertaraf multinasional.

Beliau Selain daripada kedudukannya yang strategik, faktor logistik turut memainkan peranan yang penting. Tambahan pula, sistem perundangan dan perlindungan harta intelek di Malaysia yang terjamin, memberi kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada para pelabur yang kini mencari hab industri yang menawarkan kadar upah dan kadar operasi yang berpatutan.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Pulau Pinang menawarkan kepakaran dalam pelbagai lapangan dan komitmen yang jitu dalam pemantapan ekonomi menjadi tarikan utama dalam menarik minat para pelabur untuk melabur di sini termasuklah syarikat-syarikat multinasional.

Melalui Program Transformasi Unggul Pulau



ANTARA syarikat-syarikat multinasional yang bertapak di Pulau Pinang.

Pinang (Greater Penang Transformation Programme – GPTP), Guan Eng berkata bahawa Pulau Pinang bakal dijadikan metropolis; iaitu bandaraya metropolitan yang ketiga di Malaysia selepas Lembah Klang dan Johor Bharu.

Tambah beliau lagi, sebuah jawatan-kuasa yang terdiri daripada wakil-wakil dari Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU) dan Khazanah Nasional Berhad akan mengadakan kaji selidik dan bertindak sebagai badan pelaksana dalam menjayakan GPTP ini.

Di bawah GPTP, Pulau Pinang bakal dibangunkan termasuklah dalam beberapa aspek penjanaan ekonomi seperti penambahaikan Jambatan Pulau Pinang, pembinaan jambatan kedua, penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan juga laluan antara Juru dan Sungai Dua.

HUBUNGAN PP - ARAB

GEORGE TOWN – Sebaik menerajui Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah menjalin kerjasama dengan semua pihak, dalam dan luar negara demi kepentingan rakyat negeri ini.

Di peringkat antarabangsa antara yang menjadi tumpuan adalah negara-negara Islam di Timur Tengah.

“Saya telah memulakan lawatan ke negara-negara berkenaan pada September 2008. Kemudian pada 4 Jun hingga 8 Jun 2009, saya melakukan lawatan susulan, bertujuan mempromosikan Pulau Pinang ke persada dunia sebagai sebuah negeri perindustrian dan hab halal antarabangsa”, jelas Penggerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Menurut Abdul Malik lagi, pada lawatan tersebut, beliau telah mengadakan beberapa perbincangan dengan beberapa

buah syarikat dan organisasi yang telah menunjukkan minat semasa ‘Malaysia International Halal Showcase 2009’ (MIHAS) dan ‘World Halal Forum 2009’ serta yang telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Halal Penang.

“Beberapa kejayaan penting telah dicatat dalam lawatan tersebut di antaranya ialah kesefahaman dengan Syarikat Al-Mataf Global yang menandatangani MoU berkaitan kepakaran pengurusan hotel. Ter-masuklah MoU dengan Al-Jawhara Groupe Of Hotel dari UAE dalam membangunkan industri hospitaliti berdasarkan syariah,” jelas beliau yang juga Penggerusi Halal Penang.

Kerajaan Negeri, tambah Abdul Malik, sentiasa menjalinkan hubungan erat, dengan negara-negara berkenaan, termasuk mengadakan pertemuan dengan Duta Malaysia ke Arab Saudi. Ia bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi penting bagi industri dan pelan-

congan.

Sementara itu, dalam bidang pendidikan, Abdul Malik telah mengadakan perbincangan bersama wakil dari Universiti Islam Al-Imam Muhammaad Ibn Saud Islamic, iaitu institusi pendidikan tersohor di Tanah Arab di mana ikhtisas pengajian adalah menjurus kepada bidang perundangan syariah. Kerjasama tersebut terus dijalin melalui kedutaan besarnya di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2010 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memohon sumbangan Al-Quran daripada Kerajaan Arab Saudi. Semenjak itu, sempena Program Bulan-bulan Al-Quran yang dilancarkan oleh Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato’ Seri Utama Dr. Hj. Abdul Rahman Haji Abbas, Kerajaan Arab Saudi telah



WAKIL Kerajaan Arab Saudi (dua dari kanan) menyampaikan Al-Quran sebagai simbolik sumbangan 3,000 naskah Al-Quran kepada Tun Abdul Rahman Haji Abbas (tiga dari kiri) sambil diperhatikan oleh Mansor Othman (kiri sekali), Datuk Farizan Darus (dua dari kiri), Datuk Abdul Halim Hussain (tiga dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali), di sini.

menyumbangkan sejumlah kitab suci Al-Quran untuk rakyat Pulau Pinang yang disampaikan melalui Timbalan Duta Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Tuan Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Tuan Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 537 8476 (F) 04 - 537 8476
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin simtzezin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong hitan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 (F) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee jason_ok@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapree adun.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik ngweiaik@penang.gov.my ; nwei-aik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man adunptpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen pkrbktengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Tuan Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Tuan Raveentharan a/l Subramaniam raveenkeadilan@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 (F) 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 227 1397 (F) 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain alberfarmi@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Adnan Bin Abdul Rahman adnankulim@gmail.com	(T) 019 - 421 5952
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad_salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab krissoft.engineer@yahoo.com	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@gmail.com	(T) 017-427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abjtgeuh@gmail.com	(T) 04 - 538 1460 013 - 489 3227 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hjwanday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuhismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Mohamad Shawal Ahmed shawal_mz@yahoo.com	(T) 04 - 644 7004 012 - 424 9004

Kalendar Pelancongan Pulau Pinang



Logos Hope • Penang • 29 Ogos - 27 Sept 2011
Logos Hope is the world's largest floating book fair, offering over 5,000 books at affordable prices.



Bazaar
Ramadhan
KOMTAR
• Tingkat 3
• 1 Ogos -
30 Ogos 2011
• Terdapat
pelbagai
jenis pakaian,
aksesori,
kuih-muih dan
kelengkapan
raya.

JADUAL WAKTU SOLAT PULAU PINANG

OGOS	Hari	Imsak	Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
1	Isnin	5:44	5:54	7:12	1:27	4:48	7:37	8:50
2	Selasa	5:44	5:54	7:12	1:27	4:48	7:37	8:50
3	Rabu	5:44	5:54	7:13	1:27	4:47	7:36	8:49
4	Khamis	5:44	5:54	7:13	1:27	4:47	7:36	8:49
5	Jumaat	5:44	5:54	7:13	1:27	4:46	7:36	8:49
6	Sabtu	5:45	5:55	7:13	1:27	4:46	7:36	8:48
7	Ahad	5:45	5:55	7:13	1:27	4:45	7:35	8:48
8	Isnin	5:45	5:55	7:13	1:27	4:45	7:35	8:48
9	Selasa	5:45	5:55	7:13	1:26	4:44	7:35	8:47
10	Rabu	5:45	5:55	7:13	1:26	4:44	7:35	8:47
11	Khamis	5:45	5:55	7:13	1:26	4:43	7:34	8:46
12	Jumaat	5:45	5:55	7:13	1:26	4:43	7:34	8:46
13	Sabtu	5:45	5:55	7:12	1:26	4:42	7:34	8:46
14	Ahad	5:45	5:55	7:12	1:26	4:42	7:34	8:45
15	Isnin	5:45	5:55	7:12	1:26	4:41	7:33	8:45
16	Selasa	5:45	5:55	7:12	1:25	4:40	7:33	8:44
17	Rabu	5:46	5:56	7:12	1:25	4:40	7:33	8:44
18	Khamis	5:46	5:56	7:12	1:25	4:39	7:32	8:43
19	Jumaat	5:46	5:56	7:12	1:25	4:38	7:32	8:43
20	Sabtu	5:46	5:56	7:12	1:25	4:37	7:32	8:42
21	Ahad	5:46	5:56	7:12	1:24	4:37	7:31	8:42
22	Isnin	5:46	5:56	7:12	1:24	4:36	7:31	8:41
23	Selasa	5:46	5:56	7:12	1:24	4:35	7:31	8:41
24	Rabu	5:46	5:56	7:11	1:24	4:34	7:30	8:40
25	Khamis	5:46	5:56	7:11	1:23	4:33	7:30	8:40
26	Jumaat	5:46	5:56	7:11	1:23	4:33	7:29	8:39
27	Sabtu	5:46	5:56	7:11	1:23	4:32	7:29	8:39
28	Ahad	5:45	5:55	7:11	1:22	4:31	7:29	8:38
29	Isnin	5:45	5:55	7:11	1:22	4:30	7:28	8:38
30	Selasa	5:45	5:55	7:11	1:22	4:29	7:28	8:37

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS

DAFTARLAH SEKARANG DENGAN PEJABAT ADUN PR

N1 Penaga	: 019 - 470 4800 - Rosidi Hussain	: 012 - 473 5774 - Hj M. Kamil A.Bakar
N2 Bertam	: 013 - 580 6981 - Asrol Sani	: 012 - 232 6101 - Carol
N3 Pinang Tunggal	: 019 - 421 5952 - Adnan	: 04 - 829 0614 - Chiam Heng Hock
N4 Permatang Berangan	: 019 - 510 2633 - Arsyad Md. Salleh	: 04 - 829 3691 - Nancy Lim
N5 Sungai Dua	: 019 - 477 6740 - Md. Fahmi Abd. Wahab	: 012 - 488 3227 - Joe
N6 Telok Air Tawar	: 017 - 427 1581 - Salehin Mohamed	: 012 - 431 7015 - Johnny Chee
N7 Sungai Puyu	: 012 - 528 8411 - Ng Yu Ling	: 012 - 437 1522 - Wang Lai Kin
N8 Bagan Jermal	: 013 - 449 0366 - Yeap Choon Ke	





**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN 2011 - 31 DEC 2011)**

Nama	Telephone
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Oon Neow Aun (DAP) naoon@mpsp.gov.my	016-46 57 498
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shtewo@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) (Perlantikan Baru) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
En. Ramachandran a/l M. Muthiah (DAP) ramachandaran@mpsp.gov.my	012-412 84 51
Puan Tan Cheai Peng (DAP) cptan@mpsp.gov.my	012-48 68 092
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) (Perlantikan Baru) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) (Perlantikan Baru) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) (Perlantikan Baru) bahktiappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) (Perlantikan Baru) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04-5211987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) (Perlantikan Baru) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019-40 84 899
En. Lim Tau Hoong (NGO) (Perlantikan Baru) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) (Perlantikan Baru) itiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Zulkiefly bin Saad (NGO) (Perlantikan Baru) zulkiefly@mpsp.gov.my	013-43 62 848 04-538 6848 (Fax)
En. Loh Joo Huat (DAP) (Perlantikan Baru) jloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) (Perlantikan Baru) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) (Perlantikan Baru) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman (PAS) (Perlantikan Baru) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

From: Krishnakuma

Date: 07/11/2011 10:56PM

Subject: Blog Rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang: Go For It

Hi my dear CM....do the best for Penang. We believe you could transform Penang to most livable and clean city. Any info on future development for Penang Monorail project.

Proud to be penangites under your leadership.

From: K Packianathan

Date: 07/06/2011 12:09PM

Subject: Blog Rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang: Georgetown World Heritage Day

CONGRATULATIONS TO THE PENANG STATE GOVERNMENT

BEST WISHES

K Packianathan

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN 2011 - 31 DEC. 2011)**

Nama	Telephone
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012-48 30 878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012-428 22 50
Tay Leong Seng (DAP)	019-321 93 92
Lim Siew Khim (DAP)	016-531 60 26
Lim Cheng Hoe (DAP)	016-43 84 809
Tan Hun Wooi (DAP)	012-488 04 09
En. Ong Ah Teong (DAP)	012-4106566
Ooi Keat Hin (PKR)	016-41 71 331
Francis a/l Joseph (PKR)	012-47433 21
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016-4222142
En. Lim Boo Chang (PKR)	04-2291579 (Tel) 04-2291578 (Fax)
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04-6577464 (Tel) 012-4728114
Encik Iszurie Bin Ibrahim (PAS)	016-4433205 019-4507890
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012-4726725
Encik Teh Lai Heng (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4459808
Encik Gooi Seong Kin (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4571271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) (Perlantikan Baru)	012-4122558
Encik Tan Seng Keat (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4386191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) (Perlantikan Baru)	019-4560077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) (Perlantikan Baru)	013-4320207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4380873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4635959
Dr. Lim Mah Hui (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4221880
Encik Sin Kok Siang (NGO) (Perlantikan Baru)	016-4222255

To: limguaneng@penang.gov.myDate: 07/04/2011 01:06AM
Subject: A NOTE OF APPRECIATION

Dear Sir,

I hope I find you in good health as always.

I feel compelled to offer my sincere apologies on the recent fracas which took place last Friday, the 3rd of July in Penang. I hereby tender my apologies on behalf of the 300 mindless and ungrateful bunch who demonstrated against your esteemed leadership.

I do not know personally the personalities whom were involved in this very unfortunate incident, but I wish to affirm to you, dear sir, that we Penangites have been, and will always be, proud and immensely fortunate to have you at the helm of our state government. You have proved, again and again, in the 2 years you have been in office, that you are one leader who actually walks the talk.

There should be no doubt in your mind sir, that you are greatly admired by the majority of Penangites, and a greater part of Malaysians in general. You have given us the right to boast to others that we have a CM who is actually qualified, both academically and professionally. You have also made us proud by having the three top post of the state government helmed by representatives of the three main races in Malaysia. Where else can you find such harmony and integration, if not in our Penang itself.

Lastly, dear sir, this letter is not meant to be a "apple-polishing" stunt by an ardent admirer. This is my small way of saying thank you and to convey my greatest appreciation for all that you have contributed to my home state, and to re-affirm my support and the Penangites in general, in your esteemed leadership.

I wish you all the best, and I pray that you remain

strong and righteous in your future undertakings as the leader of this great state.

Warmest Regards,
Joel Gurprit SinghFrom: Ranjit Singh
Date: 06/23/2011 10:13PM
Subject: Blog Rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang: Good Job

Mr. CM, the only words I have for You, for Penang, for Penangites and for DAP...A JOB WELL DONE, KEEP IT UP..YOU HAVE MY AND MAJORITY MALAYSIAN SUPPORT ALL THE WAY....Do not ever look back, all the way

From: DOUGLAS WONG, BLOOMBERG
Date: 06/17/2011 03:34PM
Subject: Thank You

Dear Mr Lim,

Thank you again for coming to speak at the Foreign Correspondents' Club Hong Kong today. It was a privilege to meet you and I look forward to Malaysia becoming a success story.
All best,
Douglas Wong

"LONG LIVE PAKATAN RAKYAT"

From :

Letchumanaswamy Perumal
16 Lorong Permai Durian 37
Taman Permai Durian
11120 Butterworth, Pulau
Penang, Malaysia

July 21, 2011 10:00AM

To :

His Excellency
The Chief Minister of Penang,
(YAB Tuan Lin Guan Eng)
Chief Minister's Department,
KOMTA,
10503 Penang.

Your Excellency,

RE : BULETIN MUTIARA JULY ISSUE


I have received the "Buletin Mutiara" printed by the state government feeding the Penangites the past, present and future developments, taking place in the State of Penang from time to time.

As a Penangite I am extremely glad and grateful to your utmost goodself, your deputies, executives, assistants and not forgetting your Indian gentleman chauffeur for doing a good job.

I on behalf of all Penangites Salute and Congratulate you and your state cabinet for your hardwork. "BRAVO" May God Bless you and your magnificent state cabinet with a "BIG, BIG, WIN" in all coming and future General Elections and remember hard, that we Penangites love you for being "OUR HERO." Good luck.

Thanking you in advance, Your Excellency.

Very truly,


Letchumanaswamy Perumal
(A well-wisher & voter)
NPF 112-4861942**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**YAP LEE YING
ZULIANA AZIZ

AINUL WARDAH

Jurugambar:
CHAN LILIAN
AHMAD FARHAN

LAW SUUN TING

sertai kami melalui "sms blast", taip "ADD ME"

019 357 9726,
Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375,sertai kami melalui "emel blast"
unitkomunikasi@jpkkm@gmail.com
pejabatpenerangankm@gmail.com-----
Bagi sebarang maklum balas, sila hantar keEditor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

Kutipan cukai sumber kewangan utama MPSP

SEBERANG PERAI – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjana 73% kewangan hasil daripada kutipan cukai di daerah Seberang Perai. Ini sekaligus menjadikan kutipan cukai sebagai sumber kewangan utama bagi MPSP.

Prihatin dengan sesetengah masyarakat yang kurang berkemampuan, MPSP telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Klinik Tunggakan Cukai (KTC) bagi memudahkan orang ramai membayar cukai taksiran dan cukai pintu masing-masing.

KTC ditubuhkan khas bagi mendengar, membantu dan menyelesaikan masalah mereka yang terlibat. Bagi meringankan beban, mereka dibolehkan membayar cukai secara ansuran selama enam bulan. Walau bagaimanapun, bayaran pertama hendaklah dijelaskan semasa hari pertama mereka hadir di KTC. Kaunter KTC akan dibuka pada setiap hari Jumaat, minggu terakhir setiap bulan.

Menurut Pengurus Tunggakan Cukai Pintu MPSP, Soon Lip Chee, tindakan tegas akan diam-bil bagi mereka yang enggan membayar cukai. Terdapat juga segelintir individu yang degil dan bersikap sam-bil lewa men-genai pembayaran cukai.



SEORANG warga Seberang Perai sedang membuat bayaran di Klinik Tunggakan Cukai MPSP di sini.

Menurut beliau lagi, memandangkan hasil kutipan cukai merupakan sumber ke-wangan utama bagi MPSP, maka setiap pembayaran

TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
Pasar awam Bagan Ajam	Sabtu	06.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Nibong Tebal	Ahad	07.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Seberang Jaya	Sabtu	13.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Kepala Batas	Ahad	14.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Taman Chai Leng	Sabtu	20.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Bandar Tasek Mutiara	Ahad	21.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Tambun Indah	Sabtu	27.08.2011	8 pagi – 1 petang
Pasar awam Tasek Gelugor	Ahad	28.08.2011	8 pagi – 1 petang

yang telah dibuat membolehkan MPSP memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

Sepanjang tempoh tiga tahun bermula 2008, jumlah tunggakan cukai bagi MPSP mencatatkan pengurangan daripada RM50 juta kepada RM42 juta pada tahun 2010.

Bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MPSP berhak menyita sebarang harta mudah alih kepunyaan pemilik sebagai pegangan tunggakan cukai. Sebelum sitaan dibuat, MPSP akan mengeluarkan notis terlebih dahulu yang menghendakkan pemilik menyelesaikan bayaran dalam tempoh 15 hari.

MPSP juga telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan kaunter bergerak yang akan beroperasi pada setiap hari Sabtu dan Ahad di sepanjang bulan Julai dan Ogos di pasar-pasar awam di Seberang Perai. Jadual kaunter bergerak bagi bulan Ogos adalah seperti di atas.

Bagi cukai pintu penggal kedua, bil-bil telahpun dihantar ke semua rumah pada bulan Jun yang lalu. Tarikh akhir untuk pembayaran cukai ialah pada 31 Ogos 2011. Walaupun tarikh tersebut jatuh pada cuti umum, namun kaunter akan tetap dibuka sehingga pukul 8 malam.

Orang ramai boleh menyemak cukai taksiran di kaunter atau laman web di www.mpsp.gov.my atau emel ke waran@mpsp.gov.my.

TKM I lancar kempen tanam pokok SPT

SEBERANG PERAI TENGAH – Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman melancarkan Kempen Tanam Pokok Peringkat Seberang Perai Tengah (SPT) di atas 72,000 kaki persegi tanah milik Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Pelancaran tersebut, katanya, merupakan kesinambungan pada kempen “Hijaukan Bumi Pulau Pinang” yang dilaksanakan sebelum ini supaya rakyat di negeri perindustrian itu boleh terus menikmati kelestarian alam sekitar.

“Untuk menjadi negeri paling maju di rantau ini, tak cukup kita (Pulau Pinang) mempunyai prasarana perindustrian yang maju, kita perlu juga ada kualiti alam sekitar yang lestari.

“Kalau boleh, kempen (tanam pokok) yang akan dilaksanakan oleh MPPP ini perlu dapat penyertaan rakyat sendiri secara sukarela dan budaya ini perlu digerakkan bersama,” ujar Mansor di perka-

rangan tanah lapang berham-piran Balai Polis Seberang Jaya, di sini.

Mansor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti berkata, budaya lestari alam sekitar itu tidak mungkin berjaya melainkan memerlukan perubahan paradigma semua pihak.

“Kita kena ubah cara fikir kita, tak cukup dengan kempen atau kuat kuasa undang-undang. Ubah cara fikir kita macam rakyat di negara-negara maju (iaitu) juga alam sekitar dianggap satu ‘status yang mulia’ dalam masyarakat.”

“Budaya tanam pokok di rumah (serta) kampong halaman kita wajar dianggap sebagai suatu ‘status yang mulia’,” beliau menambah.



MANSOR Othman (empat dari kanan) menyiram pokok yang baru ditanam baru-baru ini.



SOON Lip Chee (tengah) dengan beberapa kakitangan bergambar bersama kaunter bergerak MPSP baru-baru ini.

TINTA PENGARANG

GELOMBANG BERSIH DAN KITA

Aku seperti kebanyakan orang lain, hanya insan biasa dan perlu mencari rezeki demi meneruskan kehidupan. Sepertimana orang lain di dunia yang kebanyakan macam aku tidak kira warna kulit, agama dan bangsa pada hakikatnya adalah sama. Sama dari aspek pegangan kehidupan, kita semua perlu makan untuk terus hidup, punya tanggungjawab dan punya keperluan. Realiti dan fantasi senantiasa bersilih ganti demi mencari kesenangan dalam kehidupan. Ada mahu terus hidup, ada mahu nama, ada mahu harta berjuta semuanya adalah fitrah kita sebagai manusia yang inginkan syurga dunia. Namun, segalanya berpaksikan pada hakikat realiti individu tersendiri. Aku adalah aku yang pada hakikatnya seorang manusia bertaraf insan di bumi Malaysia bergelar RAKYAT.

Apalah daya aku sebagai rakyat yang hanya patuh dan akur terhadap rencana atau agenda ciptaan manusia lain bertaraf pemimpin. Sebuah golongan elit yang secara langsung menentukan hala tuju manusia seperti aku sebagai rakyat. Upaya dan daya mereka lebih dari aku. Ibarat lajang, ditupu ke kanan maka ke kanan aku, ditupu ke kiri maka ke kiri aku. Jangan dilupa lajang tetap berakar seperti hidup hijau lain di dunia. Aku tetap berpendirian seperti insan marhain yang lain. Masih mampu membezakan mana baik dan jahat, mana benar dan palsu.

Bersyukur aku tetap bersyukur menjadi anak Malaysia, menikmati kehidupan yang aman dan sejahtera. Namun, di sebalik keamanan yang dikecapi, aku tetap berasa tertindas dan keliru akan konsep sebenar keadilan. Tetap menjadi boneka yang dipaksa akur dengan segala keputusan pemimpin. Bila bersuara dikata lupa jasa. Aku tidak sanggup melihat kejatuhan negara ini dengan hanya bayaran jasa dan nikmat keamanan yang dikecapi hari ini tapi belum tentu esoknya. Prospek jelas tampak menunjukkan negara ini porak peranda dan semakin pudar akan konsep demokrasi berparlimen yang diamalkan. Aku sebagai rakyat, mereka sebagai pemimpin semakin tidak selari. Banyak perkara tersingkap cuba diselimutkan sapu tangan. Akibatnya, ia makin terserlah dan rakyat seperti aku makin celik. Sembang dan gebang, semua disekat, mana lagi orang bertaraf seperti aku untuk bersuara?

Perhimpunan Bersih yang berlangsung pada 9 Julai 2011 menjadi ukuran kepada pemimpin hari ini bermuhasabah diri. Jangan gentar dan takut, kerana perhimpunan aman ini hanyalah sebahagian daripada amalan demokrasi yang kita amalkan bertahun-tahun lamanya. Apa digertak rakyat berpaling jika yakin masih mampu berkuasa dan sentiasa memperjuangkan rakyat. Mungkin perhimpunan Bersih 2.0 yang berlangsung hanyalah retorik politik untuk menggemparkan BN dan kroni-kroninya sahaja. Kenapa menggelabah? Kenapa perlu mentafsir segala macam akibat jika perkara tersebut masih belum berlaku? Ini menunjukkan sememangnya dacing sudah tidak lagi seimbang malah golongan ini benar-benar yakin seolah-olah agenda perhimpunan Bersih 2.0 ada benarnya. Mungkin ada salahnya dulu yang kini menjadi bayang menghantui mereka. Walau apapun, semuanya hanya andaian. Jika benar rakyat Malaysia sanggup meredah tembakan air gatal, gas pemedih mata, ancaman ISA atau ancaman polis, pasti ada yang tidak kena. Pendekatan aman demokrasi ini menuntut agar suara mereka didengar, maka ambillah dan timbang betul-betul atas dacing wahai kerajaan yang mengutamakan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Cuba-cubalah dengar suara mereka ini bergelar manusia taraf rakyat biasa.

Tarikh 9 Julai 2011 telah menjadi perkiraan Perdana Menteri mengatur langkah untuk pilihanraya akan datang yang dijangka tidak lama lagi. Adunan kekuatan, penyisihan kelemahan bakal direncana menjadi resepi terbaik untuk pilihanraya ke-13. Maka apa pun rakyat telah semakin bangkit, bukan untuk selamatkan poket pemimpin tertentu atau melenyapkan keamanan tapa demi masa depan cucu-cicit mereka. Jangan persalahkan rakyat membuka langkah kerana sudah lama memandam kesumat untuk mengadu domba. Usah parti pembangkang dipersalahkan kerana bertahun-tahun dikatakan menghasut, namun berbeza hari ini kerana mungkin ada benar fakta “hasutannya” yang menyebabkan rakyat semakin percaya. Fikirlah kawan.

-Putera Pulau-



RESIPI : KARI KAPITAN

- 1 ekor ayam, kira-kira 1kg
- 10 tangkai cabai kering – rendam dengan air panas dan buang biji
- 10 tangkai cabai merah
- 10 ulas bawang merah
- 10 labu bawang putih
- 1 keping kunyit segar (sebesar ibu jari)
- 6 buah keras
- 6 batang serai
- 1 keping belacan
- Garam dan gula secukup rasa
- Minyak – ½ mangkuk
- Santan dari sebiji kelapa
- 6 helai - Daun limau purut – dihiris
- 3 biji limau nipis – perah jus

Cara memasak

Ayam dipotong 10 keping.
Kisar cabai, bawang merah, bawang putih, serai dan kunyit hingga halus.
Tumbuk buah keras hingga lumat.
Bakar belacan hingga harum.
Panaskan minyak dalam kuali, tumiskan bahan-bahan kisar, belacan dan buah keras hingga pecah minyak.
Masukkan ketulan ayam dan tumis.
Biar api sederhana sahaja & tunggu hingga ayam empuk.
Sekiranya terlalu kering, tambah sedikit santan cair. Kari Kapitan biasanya kering dan tidak berkuah seperti gulai ayam.
Tambah santan, garam dan gula secukup rasa.
Apabila sudah masak, tabur daun limau purut dan jus limau nipis.



RESIPI KEK MENTEGA

- 250 gram mentega
- 200 gram gula kaster
- 250 gram tepung naik sendiri
- 4 biji telur saiz besar
- sedikit susu UHT

Cara memasak

Panaskan ketuhar pada suhu 180 selsius
Sapu sedikit minyak pada tin pembakar kek sebesar 8 inci Gaul mentega dengan gula kaster dengan pengadun tangan sehingga kembang dan ringgan.
Masukkan telur dan diselang seli dengan tepung.
Campur sedikit susu UHT supaya adunan anda menjadi cair sedikit.
Bakar dalam ketuhar selama 40 min pada suhu 180 selsius.

Sumber: Resipi-resipi ini boleh didapati di blog resipi <http://www.malaysiabest.net>

Bantuan perubatan percuma untuk rakyat



SIM Tze Tzin (berdiri, berkaca mata) memerhatikan pegawai perubatan bertugas melakukan pemeriksaan percuma kepada penduduk setempat di sini baru-baru ini.

PANTAI JEREJAK – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin memaklumkan bahawa beliau telah merangka beberapa program bantuan perubatan percuma bagi warga emas dan penduduk sekitar kawasan DUN beliau khususnya.

Beliau Terbaru, beliau mengadakan program bantuan perubatan percuma bagi penduduk sekitar Kampung Sungai Nibong Kecil, Kampung Sungai Nibong Tengah serta Lengkok Mahsuri dan mendapat sambutan lebih daripada 70 penduduk setempat yang memerlukan.

Menurut beliau, sebuah pasukan pegawai-pegawai perubatan dan jururawat turut serta dalam

menyediakan bantuan perubatan percuma dan mendirikan klinik perubatan percuma sementara bagi membantu warga tua yang uzur dan penduduk kurang berkemampuan yang memerlukan bantuan. Pemeriksaan percuma tekanan darah, paras gula dalam darah dan penyakit ringan lain serta ubat-ubatan percuma turut ditawarkan dalam program sehari bersama penduduk setempat.

Tze Tzin menambah bahawa beliau akan mengadakan program seumpama ini lebih kerap kerana beliau percaya bahawa program tersebut secara tidak langsung dapat memberi bantuan kepada mereka yang uzur dan memerlukan rawatan tetapi tidak berkemampuan.

‘DURIANS MASTERS’ PP KE-2 HEBAT

BAYAN BARU – Satu fenomena yang mendedarkan telah berlaku semasa pertarungan akhir boling, ‘Durians Masters’ Pulau Pinang ke - 2 yang berlangsung di Premium Lanes, Bayan Baru, baru-baru ini.

Tiga peserta yang paling menonjol dan menunjukkan prestasi cemerlang adalah Iancy Tan Chien Nan dari Sabah dan dua orang bekas pemain boling kebangsaan iaitu Syimir Abdul Razak dan Afizal Azizan.

Pertandingan yang merangkumi enam siri perlawanannya dipenuhi dengan detik-detik cemas dan mendedarkan apabila masing-masing menunjukkan ketangkasian dan kebolehan bermain boling.

Namun, semua detik cemas berakhir apabila Chien Nan dinobatkan sebagai juara, manakala Syimir menduduki tempat kedua dan Afizal mendapat tempat ketiga.

Kesemua mereka berkongsi hadiah berupa 300kg durian yang sangat berkualiti yang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Ong Kok Fooi sambil ditemani Akbar Mustapha, Pengarah Taman Perbandaran dan Dr. Ong Shaw Feng, Timbalan Presiden Persatuan Boling Tenpin Pulau Pinang.

Majlis Hi-Tea Durian yang unik juga telah diadakan bagi meraikan semua peserta dan ahli keluarga masing-masing.



PAK Su memotong sendiri ketam yang menjadi menu istimewa warungnya.

KETAM, udang, sotong, ikan dan siput merupakan makanan laut yang sangat digemari terutama rakyat Malaysia. Sesuai dengan jenis masakan, baunya saja sudah pasti menggiurkan si pemakan.

Kali ini, Buletin Mutiara (BM) berpeluang menjengah ke sebuah warung yang sememangnya terkenal dengan masakan lautnya. Terletak di Jalan Kuala Juru, Warung Pak Su Mee Udang setia menanti para pelanggan yang datang dari dalam dan luar negara bagi menikmati segala jenis masakan yang disediakan.

Pak Su, atau nama sebenarnya Zakaria Ahmad, merupakan

orang yang bertanggungjawab mengusahakan perniagaan tersebut bersama isteri tersayang, Maznah Md. Rodi sambil dibantu oleh saudara mara terdekat seperti kakak, adik dan anak saudara mereka.

Menurut Pak Su, warungnya telah beroperasi hampir 10 tahun dan bertapak di tempat sama iaitu bersebelahan kediamannya sendiri. Juga terkenal dengan jolokan Warung Nasi Ketam, pelbagai menu terutama makanan laut yang enak disediakan di sini. Nasi ketam atau nasi goreng ketam merupakan antara menu pilihan utama selain mee udang, nasi udang, mee ketam, ikan

bakar, kerang bakar, kari ikan sembilang, tomyam dan sebagainya.

Warung Pak Su dibuka setiap hari kecuali hari Khamis bermula jam 12 tengah hari hingga 10 malam (bergantung kepada stok ketam yang ada). Adakalanya warung ditutup seawal jam 8 malam kerana sudah kehabisan ketam terutama pada malam minggu atau cuti umum.

Bahan mentah diperoleh segar dari laut setiap hari. Difahamkan, sebanyak 60 kilogram (kg) ketam dibeli setiap pagi bagi menampung perniagaan selama satu hari. Lebih menarik, resipi untuk membuat ketam sambal adalah idea Pak Su suami isteri.

“Macam mana orang makan sedap, macam tu juga kita nak makan sedap,” ujar Pak Su berseloroh kepada wartawan BM sambil melemparkan senyuman.

Bersempena dengan bulan Ramadhan, para pengunjung yang ingin menikmati hidangan yang disediakan hendaklah membuat tempahan terlebih dahulu. Ini bagi memudahkan urusan pengunjung yang datang untuk berbuka puasa dan para pekerja Pak Su sendiri supaya

keadaan tidak menjadi kelam kabut dek kedatangan orang ramai secara serentak.

Sebagai makluman, harga bagi satu set nasi ketam ialah RM12. Terpulang kepada pelanggan sama ada mahu memilih di antara nasi putih atau nasi goreng mengikut selera masing-masing. Manakala harga bagi satu set nasi udang pula hanya RM10 setiap seorang. Selain itu, warung ini juga menyediakan set hidangan untuk empat orang yang mengandungi ketam sambal, udang goreng daun kari, ikan bakar serta sayur atau tomyam.

Semuanya dengan harga yang sangat berpatutan iaitu RM130 sahaja. Malah, golongan pelajar juga diberi harga istimewa jika datang berkunjung ke Warung Pak Su.

Walaupun Malaysia sekarang dibebani dengan harga barang yang semakin meningkat, namun Pak Su tetap mengelakkan resipi masakannya. Baginya, selera pelanggan harus dijaga dan diberi keutamaan kerana tanpa

Pak Su Mee Udang – bahan segar rahsia resipi masakan



PAK Su bersama kakitangan beliau.



HIDANGAN istimewa ketam dan udang yang siap untuk dihidang.

mereka, perniagaan Pak Su tidak akan membahukan hasil seperti sekarang.

Pak Su juga mengamalkan prinsip “biar orang ramai, untung sikit.” Sifat kesederhanaan yang ditonjolkan Pak Su sekeluarga inilah yang mendorong pelanggan untuk terus mengunjungi warungnya.

Bagi mereka yang ingin mencuba hidangan yang disediakan di Warung Pak Su, anda sangat dialu-alukan untuk mengunjungi warung beliau di No.385, Mukim 12, Bagan Nyior Juru, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.



WARUNG Pak Su.

“Anggap kerja sebagai satu tanggungjawab, bukan bebanan,”

Setiausaha Perbandaran MPSP, Tuan Haji Rozali Haji Mohamud

Oleh: ZULIANA AZIZ

Gambar: AHMAD FARHAN MOHD. FAUZI

SIFATNYA yang peramah, mudah mesra dan murah dengan senyuman membuatkan Buletin Mutiara (BM) tertarik untuk mewawancara beliau bagi keluaran kali ini. Dengan jadual yang sangat padat, beliau sangat berbesar hati atas kesudian pihak BM bertemu dan merungkai sedikit sebanyak latar belakang kerjayanya sebagai Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Ikuti temuramah eksklusif BM dengan Tuan Haji Rozali yang sudah 29 tahun bergelar penjawat awam.

BM : Sebagai Setiausaha Perbandaran MPSP yang baru saja dilantik, bolehkah Tuan Haji huraikan serba sedikit mengenai bidang tugas Tuan Haji.

HAJI ROZALI : Tugas utama saya adalah seperti yang termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 Seksyen 2 iaitu sebagai Ketua Pegawai Pentadbir. Di samping itu, menjadi tugas besar saya dan Yang Dipertua (YDP) MPSP, Puan Maimunah Mohd. Sharif untuk merealisasikan wawasan Kerajaan Negeri iaitu menjadikan Pulau Pinang bertaraf antarabangsa dan wawasan MPSP iaitu menjadikan Seberang Perai Bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan. Dalam halal tuju yang sama, saya dan YDP tidak lupa pesanan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa hari mengangkat sumpah iaitu menjadikan MPSP organisasi yang cemerlang dengan mewujudkan

3s (sistem bekerja yang betul, sikap positif di kalangan pekerja dan semangat berpasukan).

BM : Berdasarkan maklumat tersebut, apakah cabaran yang Tuan Haji hadapi dalam bidang ini.

HAJI ROZALI : Kerjaya saya bermula sejak 11 April 1982, bermula di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Apabila saya dilantik sebagai Setiausaha Perbandaran pada 1 Mac 2011 yang lalu, pelbagai cabaran besar telah saya hadapi terutama bagaimana mengubah sikap warga kerja MPSP seramai 1,600 orang supaya bekerja dan menyampaikan perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pelanggan. Saya selalu berfikiran bahawa menganggap kerja sebagai satu tanggungjawab dan bukan bebanan. Untuk melakukan tugas yang besar, apa yang paling penting ialah fokus dan bijak mengatur strategi. Saya juga harus memikirkan bagaimana mengubah sikap warga Seberang Perai supaya mengamalkan tabiat mengitar semula dan tidak membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya.

BM : Berdasarkan maklumat tersebut, ternyata bidang tugas Tuan Haji sangat meluas dan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Apakah prinsip yang Tuan Haji amalkan dalam melakukan kerja-kerja harian.

HAJI ROZALI : Saya berasal daripada keluarga penanam padi. Bapa saya juga aktif di dalam pertubuhan dan me-megang beberapa jawatan antaranya Setiausaha Lembaga Pengelola Sekolah. Manakala ibu saya seorang yang gigih bekerja dan kreatif. Sejak kecil, saya telah diajar untuk berdikari dan mengamalkan disiplin kendiri yang tinggi. Saya tidak pernah merungut atau merayu, sebaliknya menerima setiap tugas yang diberikan kepada saya dengan hati terbuka. Anggaplah semua tugas yang diberi sebagai suatu cabaran. Tiga prinsip yang saya amalkan kini ialah ‘speed and simplicity’ (laju dan mudah), bekerja sebagai satu pasukan dan ‘outcome’ tidak boleh dipaksakan tetapi kita boleh memaksa pelaksanaan untuk menghasilkan ‘outcome’ yang dikehendaki.

BM : MPSP sekarang semakin maju dengan beberapa projek yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Terkini, MPSP telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan kaunter bergerak MPSP bagi memudahkan orang ramai membayar cukai taksiran. Apakah antara projek-projek MPSP yang dirancang selepas ini?

HAJI ROZALI : Dalam masa terdekat, MPSP telah merancang untuk melaksanakan ‘Performance Base



HAJI Rozali ketika ditemuramah di pejabat beliau.

Management System’ (bersama YDP). Sistem ini merangkumi aspek seperti mewujudkan ‘Standard Operating Procedures’ (SOP) dalam setiap aktiviti yang dijalankan, adanya tempoh masa dan mewujudkan ‘Key Performance Indicator’ (KPI). Di samping itu, MPSP juga akan melaksanakan sistem pemantauan menggunakan ‘Balance Score Card’. Kita juga meletakkan matlamat mencapai 30% bahan yang dikitar semula seperti yang disarankan oleh Y.B. Tuan Chow Kon Yeow, melaksanakan projek-projek pembangunan yang dirangka sepanjang Rancangan Malaysia ke-10 seperti Projek tebatan banjir dan menaiktaraf infrastruktur.

BM : Selain dari tugas sebagai Setiausaha Perbandaran, Tuan Haji juga dikatakan aktif dalam kerja-kerja amal seperti bersama mangsa-mangsa ribut dan banjir, juga terlibat dalam aktiviti di masjid-masjid. Adakah Tuan Haji seorang yang memang suka turun padang.

HAJI ROZALI : Latar belakang saya semasa kecil membentuk peribadi saya sekarang. Apabila saya pulang kerja jam 7.00 petang, penduduk kampung sudah menunggu di rumah untuk pengesahan buku sekolah, sijil-sijil, pengesahan dokumen untuk memohon kerja, pinjaman buku sekolah dan sebagainya. Di samping itu, saya juga berperanan menjadi saksi perkahwinan, mengesahkan status pasangan untuk tujuan perkahwinan dan lain-lain urusan qariah. Tugas-tugas berikut juga telah menjadi rutin sebahagian kehidupan saya iaitu Pengurus Qariah Masjid Permatang Nibong, Pengurus tanah perkuburan Qariah Permatang Nibong, Setiausaha Yayasan Pendidikan Anak-anak Yatim Pulau Pinang dan AJK Persatuan Ulama’ Pulau Pinang dan Seberang Perai.

BM : Apakah hobi Tuan Haji? Jika Tuan Haji suka membaca, boleh Tuan Haji kongsikan tajuk buku-buku motivasi yang dapat membantu kakitangan kerajaan khasnya.

HAJI ROZALI : Hobi saya kini hanya bekerja. Semasa remaja saya minat bermain ragbi, mendaki dan berkhemah tetapi sekarang hobi itu luput begitu saja. Mungkin kerana faktor usia yang semakin meningkat dan status saya sebagai suami dan bapa kepada lapan orang anak. Saya suka membaca buku-buku teknikal untuk menghasilkan penulisan kertas pembentangan. Motivasi saya perolehi dari kursus-kursus yang saya hadiri dan pengucapan awam khususnya daripada Ketua Menteri. Saya tidak pernah bercita-cita untuk memegang jawatan setinggi ini dan saya berkhidmat hanya kerana Allah S.W.T.n.



HAJI Rozali menunjukkan sijil-sijil yang berjaya diperoleh oleh beliau sepanjang penglibatan di dalam sektor awam.

Penduduk DUN Pulau Betong muhibah

PULAU BETONG – Program Komuniti ‘Cleaner Greener Penang’ bersama penduduk Kampung Titi Teras, anjuran bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Pejabat Penyelaras KADUN Pulau Betong dan JKKK Titi Teras telah diadakan dalam suasana harmoni dan penuh warna-warni.

Majlis tersebut turut menerima kehadiran Pengerusi Jawaankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Speaker Dewan Un-dangan Negeri (DUN), Datuk Abd. Halim Hussain dan Yang Dipertua MPPP; Patahiyah Ismail.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, program tersebut diadakan bagi meningkatkan kesedaran akan pent-

ingnya kebersihan dalam menghijaukan serta menceriakan persekitaran selaras dengan seruan Kerajaan Negeri agar Pulau Pinang lebih bersih dan hijau. Selain itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam kalangan penduduk.

Sementara itu, selain program komuniti, turut diadakan adalah Karnival Harmoni Peringkat DUN Pulau Betong yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman. Karnival yang julung kali diadakan di Pulau Betong ini turut membabitkan pameran alam sekitar, sukaneka rakyat dan keraian rakyat.

Pada majlis sama, sumbangan basikal kepada murid-murid yang kurang berkemampuan turut dijalankan dan disempurnakan oleh Mansor.

Acara rakyat menceriakan Sungai Acheh

SUNGAI ACHEH – Sempena sambutan Israk Mikraj baru-baru ini, bertempat di Dewan JKKK Kampung Haji Omar, Nibong Tebal telah diadakan Program Bantuan Fakir.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar, program tersebut adalah bertujuan untuk memberi sumbangan dan bantuan kepada ibu-ibu tunggal, warga kelainan upaya (OKU) dan penduduk setempat yang kurang berkemampuan serta memerlukan bantuan.

Turut diadakan dalam majlis yang sama adalah penyampaian sumbangan kelengkapan persekolahan kepada 10 murid yang kurang berkemampuan. Sumbangan tersebut adalah sebahagian daripada peruntukan Kerajaan Negeri dalam memperkasaan pendidikan di negeri ini.

Selain itu, Program Bakti Masyarakat (BakMas) yang melibatkan kawasan Welleslet dan Ladang Transkrian turut dilangsungkan. Program



MOHD. KAMIL ABU BAKAR (dua dari kanan) bersama para peserta program BakMas sedang membersihkan kawasan sekitar di sini baru-baru ini.

BakMas merupakan program berbentuk ke-masyarakat dan lazimnya melibatkan aktiviti seperti gotong-royong dan pengedaran risalah cetakan Kerajaan Negeri.

Di samping itu, tambah Mohd. Kamil, kawasan DUN tersebut juga mempunyai pasukan bola sepaknya sendiri dan baru-baru ini telah diadakan majlis penyampaian jersi rasmi kepada Ketua Pasukan, Kamisan Tume yang juga merupakan bekas Ketua Pasukan Liga Pulau Pinang.

MASALAH PEPARITAN SELESAI

KUALA MUDA – Penantian penduduk sekitar Kuala Muda akhirnya tertunai apabila masalah yang dihadapi penduduk setempat selesai.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Penaga, Rosidi Hussain, masalah longkang yang telah lama tersumbat kini telah selesai dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Selain masalah longkang tersumbat, penduduk turut berhadapan dengan masalah pengaliran air. Bagaimanapun, semua dilema tersebut kini telah berakhir,” ujar Rosidi Hussain.

Tambah beliau lagi, kawasan tersebut kini telah dibina dengan sistem peparitan yang baharu. Beliau yang turut mewakili Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bakau Tua amat berterima kasih kepada JPS kerana prihatin dan bertindak dengan efisien dalam menyelesaikan masalah penduduk setempat.



ROSIDI HUSSAIN MENINJAU KERJA-KERAJA PEMBINAAN SALURAN AIR DI KUALA MUDA BARU-BARU INI.



MANSOR OTHMAN MENGAMBAR BERSAMA SALAH SEORANG PENERIMA BANTUAN BASIKAL DI SINI BARU-BARU INI.

Sumbangan khas ceriakan murid SJK (C) Pantai Acheh Rozal



SEBAHAGIAN murid-murid dan guru-guru SJK (C) Pantai Acheh bergambar kenang-kenangan bersama Abd. Halim Hussain (barisan belakang, empat dari kanan) dan Mohamad Shawal Ahmed (barisan belakang, kanan sekali)

TELUK BAHANG – Seramai 17 pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Pantai Acheh, Kuala Sungai Pinang di sini menerima sumbangan kelengkapan persekolahan yang berupakan baju seragam persekolahan, beg sekolah dan kasut putih.


Menurut Bantuan tersebut adalah daripada Kerajaan Negeri dalam memastarkan pendidikan sekaligus memberi keselesaan kepada murid-murid yang kurang bernasib baik untuk meneruskan pembelajaran.

Menurut Pegawai Penyelaras

KADUN Teluk Bahang, Mohamad Shawal Ahmed, Kerajaan Negeri hakikatnya amat prihatin terhadap keperluan pelajaran yang memerlukan.

“Peruntukkan kelengkapan persekolahan berikut merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan dasar-dasar Kerajaan Negeri dalam melahirkan generasi cemerlang bukan sahaja menjadi kebanggaan Pulau Pinang malah buat Malaysia.”

Turut hadir adalah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abd. Halim Hussain.



Tuan Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas bersama isteri menunjukkan hasil seni di pameran Seni Kristal Liuli.



TUAN Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) bersama isteri (kanan sekali) menghayati seni kristal Liuli sambil diiringi oleh Pengurus Besar Hotel E&O, Marco Giovanni Battistotti.



POTRET hitam putih, 'Blending Of Blood', yang menggambarkan wajah-wajah rakyat berbilang kaum di Pulau Pinang dipamerkan di Bangunan Warisan Whiteaways.

Sambutan Hari Warisan George Town 2011



KETUA Menteri bersama isteri, melambai ketika bersiap-sedia untuk dibawa mengelilingi bandar George Town dengan beca.



BETTY Chew (kiri sekali) meneliti barang kemas warisan Baba Nyonya sempena Majlis Sambutan George Town Festival 2011.



Lawrence Loh (kiri sekali) menjelaskan kerja-kerja pemuliharaan premis Habib Jewels bernilai RM1 juta kepada Ketua Menteri (empat dari kiri) bersama isteri, Betty Chew (lima dari kiri) sambil turut diperhatikan oleh barisan Exco Kerajaan Negeri.



PENGAYUH beca mengayuh beca mengelilingi bandar George Town.